



UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak menerima Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Dato' sempena ulang tahun keputeraan ke-83 Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, hari ini.

Beliau adalah salah seorang daripada 48 orang yang menerima darjah kebesaran itu bersama penerima lain termasuk Toh Puan Laksamana Kedah, Datin Seri Nora Abdullah; Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Dr Hamdan Mohamed Khalid; Penasihat Undang-Undang Negeri, Anas Ahmad Zakie; Duta Malaysia ke Mesir, Dr Mohd Fakhruddin Abdul Mukti.

Penerima lain ialah Duta Malaysia ke Brazil K Sudha Devi; Pegawai Daerah Kulim, Mat Noh Ahmad; Ahli Parlimen Baling, Taib Azamuddin Md Taib; Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, Mohd Arpan Shari; Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Marzuki Md Isa; Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Khazali Ahmad; Ketua Penolong Pengarah Pentadbiran Undang-undang Jabatan Agama Islam Kedah, Nafisah Abdullah dan Pengarah Hospital Sultanah Bahiyah, Dr Juita Ghazalie juga menerima gelaran DSDK bersama Naib Canselor.

Antara ahli akademik yang turut menerima pingat sempena ulang tahun keputeraan Sultan Kedah ialah Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Tan Sri Dr Sharifah Habsah Syed Hasan Shahabudin; Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIIN), Prof Datuk Dr Jamil Osman dan Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof Datuk Dr Syed Arabi Syed Abdullah Iddid yang menerima Darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah (DGMK) yang membawa gelaran Datuk Wira.

Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak, 50, mula menjadi Naib Canselor UUM mulai 16 Jun 2010 berkelulusan PhD (Sosiologi Politik), University of Leeds dan Sarjana (Politik) dari University of York, England.

Beliau berkhidmat di UUM selama 25 tahun sebagai staf akademik di awal penubuhan UUM bermula dengan jawatan sebagai seorang tutor, kemudiannya pensyarah sehinggalah dilantik profesor dalam bidang Politik dan Pengajian Antarabangsa.

Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak juga pernah menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan pernah diamanahkan sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Pengalaman sebagai Timbalan Naib Canselor memberi kelebihan kepadanya untuk memahami budaya, sejarah, kekuatan dan seterusnya memacu kemajuan UUM ke arah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Di peringkat nasional beliau ialah Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara dan beliau juga ialah Presiden Persatuan Pengajian Antarabangsa.

Habis

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my